



## **Mahkamah Shari'ah dan**

### **Rahsia Rumah Tangga di dalam akhbar**

En. Husin bin Zainal Abidin, Singapura bertanya:

Semenjak dibuka Mahkamah Shari'ah di Singapura, banyak perkara-perkara yang selama ini menjadi rahsia rumah tangga telah terdedah kepada orang ramai melalui siaran akhbar. Tidakkah perbuatan mendedahkan rahsia rumah tangga dan menceritakan keaiban seseorang dengan seluas-luasnya di dalam akhbar itu bertentangan dengan hukum syarak? Patutkan hal itu dibiarkan berlanjutan?

Jawab: Apa yang dimusykilkan oleh En. Husin itu memang telah sedia tersemat di hati kebanyakan orang yang insaf dan mempunyai sedikit sebanyak perasaan timbang rasa.

Tak dapat disangkal, bahawa selama Mahkamah Shari'ah terdiri di Singapura dan berjalan semenjak dua bulan yang lalu banyak rahsia rumah tangga dan sesuatu keluarga yang selama ini tertutup telah terdedah dan tersiar seluas-luasnya di dalam akhbar untuk tatapan ramai.

Melalui siaran akhbar-akhbar, banyak perkara yang menjatuhkan air muka dan menyinggung nama baik seorang suami dan keluarganya atau seorang isteri dan keluarganya telah dibentangkan kepada ramai seolah-olahnya sebuah cerita duka yang menyedihkan kawan dan menyukakan

lawan, meskipun pada hakikatnya setengah daripadanya hanya tuduhan-tuduhan yang dilemparkan oleh seorang suami kepada isterinya, atau seorang isteri kepada suaminya kerana menurut hati marah dan hendak menang.

Benar, suatu perkara yang telah dibawa ke tengah, biasanya akan terdedah kepada ramai, dan tidak menjadi salah di sisi undang-undang negeri kalau akhbar menyiarkannya dengan seluas-luasnya kepada ramai. Tetapi patut disedari, Mahkamah syariah berlainan daripada mahkamah negeri. Mahkamah Shari'ah hanya khas membicarakan perselisihan yang berlaku di antara seseorang suami dengan isterinya, Segala perkara yang berupa rahsia rumah tangga dan keluarga, dan yang membawa kepada menjatuhkan air muka seseorang yang berkenaan, patutlah dirahsiakan dan tidak selayaknya menjadi siaran akhbar. Cara yang demikian ialah yang bersesuaian dengan peradaban Islam dan disuruh oleh Islam.

Sikap mahkamah syariah membiarkan segala rahsia rumah tangga dan keluarga yang dibawa ke hadapannya terdedah kepada ramai melalui siaran-siaran akhbar sebagaimana yang sedang berlaku itu, sungguh mendukacitakan.

Berapa banyak keluarga yang telah tersinggung hatinya, kerana siaran-siaran yang seperti itu, Tuhan jua yang mengetahuinya. Tetapi keluarga-keluarga yang malang itu hanya menyerahkan hal itu kepada Allah dan berpegang teguh kepada firman-Nya, yang bermaksud:

“Sesungguhnya mereka yang suka tersiar keburukkan mengenai orang-orang lain akan mendapat azab yang pedih di dunia dan di akhirat.” (19 Surah an-Nur).

Demikian amaran Allah. Mudah-mudahan akan sedar sesiapa yang mahu sedar.